Oleh Muhammad Reza Muhsain
m.reza@bh.com.my

Seremban

Kuasai nasyid moden, tradisi

Anggota kumpulan Intracksee menampilkan **persembahan menarik dalam kategori Muzik Moden.**

Kejayaan menjuarai pertandingan kedua-dua kategori Muzik Moden serta Muzik Tradisi pada Festival Nasyid, Berzanji dan Marhaban Peringkat Zon 1 (Seremban dan Port Dickson), baru-baru ini, ternyata melonjakkan nama kumpulan Intracksee dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Ketua kumpulan itu, Syahir Hizami, berkata mereka tidak menyangka dapat mengungguli dua kategori muzik berkenaan sekali gus, lebih-lebih lagi terpaksa berhadapan dengan pencabar yang bukan calang-calang.

Bagi menghadapi pertandingan itu, beliau berkata, anggota Intracksee dibahagikan kepada dua kumpulan untuk bersaing dalam kategori Muzik Moden dan Muzik Tradisi.

"Kemenangan ini hasil usaha dan komitmen seluruh anggota kumpulan serta tenaga pengajar yang banyak membantu dalam memartabatkan seni budaya Islam pada peringkat universiti.

"Saya gembira dengan persembahan kedua-dua kumpulan, terutama menghadapi kehadiran dan persaingan peserta lain" katanya.

*Kumpulan Intracksee yang **membawa cabaran USIM** pada Festival Nasyid, Berzanji dan Marhaban Peringkat Zon 1 (Seremban dan Port Dickson), baru-baru ini.*

Menang wang tunai

Berikutan kemenangan itu, kedua-dua kumpulan johan terbabit yang dibarisi pelajar dari Pusat Kebudayaan USIM masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000 berserta sijil.

Pada festival itu yang berlangsung di Kompleks Balai Islam Rantau dekat sini, kumpulan Intracksee memenangi kategori Muzik Moden menerusi lagu bertajuk 'Gelora Muara Jiwa' hasil ciptaan alumni USIM, Shukri Sahari.

Seperkara menarik, lagu berkenaan pernah dinobatkan sebagai Naib Johan pada Festival Nasyid Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia tahun lalu.

Kumpulan kedua pula menawan pentas Muzik Tradisi dengan lagu bertajuk 'Al-Quran As-Sunnah Tonggak Kesatuan Ummah'.

Lagu bertema al-Quran dan as-Sunnah dengan penekanan terhadap unsur perpaduan ummah serta sifat toleransi itu juga pernah memasuki senarai finalis Festival Nasyid Peringkat Kebangsaan di Sabah, dua tahun lalu, secara langsung membawa pasukan Negeri Sembilan ke pertandingan akhir kejohanan berkenaan untuk julung kalinya.